

MCPF sokong larangan vape di kampus

KUALA LUMPUR 24 Nov.

- Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) menyokong penuh keputusan universiti awam di negara ini mengharamkan penggunaan rokok elektronik atau vape di kawasan kampus.

Naib Pengerusinya, Tan Sri Lee Lam Thye mengalu-alukan keputusan berkenaan kerana

vape bakal menjejaskan imej seseorang terutamanya yang bergelar mahasiswa yang selama ini dipandang tinggi oleh masyarakat.

“Budaya ini sudah mula menular dalam kalangan masyarakat di semua peringkat umur dan terdapat segelintir mahasiswa yang tidak terkecuali menghisap vape.


“Perkara ini sudah menjadi satu tabiat dan usaha seperti ini dapat mengelakkan gambaran buruk oleh masyarakat kepada golongan tersebut jika kita membiarkan sahaja,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Akhbar semalam melaporkan kesemua 20 universiti awam bersetuju mengharamkan penggunaan vape di kampus masing-masing sejajar dengan konsep ‘kampus zon hijau’.

Antara universiti yang terlibat dalam pengharaman itu ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Tambah Lam Thye, larangan penggunaan vape bukan sahaja perlu dijalankan di kampus, malah boleh diperluaskan kepada semua institusi pendidikan di negara ini terutamanya di peringkat sekolah.

“Kalau kita lihat, pelajar di peringkat sekolah menengah sudah mula berani menggunakan vape di khalayak ramai dan ini merunsingkan saya jika kita tidak mengambil sebarang tindakan darisekarang,” katanya.



LEE LAM THYE